

NO SOALAN : 94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL
HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 08.08.17
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tujuan sebenar dan faedah mengadakan perhimpunan raksaksa Veteran pada 31 Julai yang lalu yang dilihat membazir dan menyusahkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tujuan utama Perhimpunan Veteran ATM 2017 yang telah diadakan pada 31 Julai 2017, adalah bersempena dengan pelancaran Kempen Tabung Hari Pahlawan. Perhimpunan ini telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, yang merupakan penaung kepada Kempen Tabung Hari Pahlawan.

Peserta perhimpunan terdiri daripada veteran ATM yang menjadi ahli kepada persatuan-persatuan yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM. Perhimpunan ini dilihat telah dapat menyemai semangat patriotik dan cinta negara dalam kalangan veteran ATM.